

# MODAL KECIL UNTUNG BESAR

MULAKAN DARI RUMAH : Tambah duit poket dengan bisnes makanan.



# MAKLUMAT BAHAN

**Pengarang**

Siti Aisyah Binti Hussain

**Penerbit**

Buku Prima Sdn.Bhd

**Tempat Terbit**

Shah Alam, Selangor



**Tahun**

2010

**Harga**

Rm 12.90

**ISBN**

9789675489440

# Mmm!

*Ada beberapa Jenis Perniagaan yang  
menguntungkan dengan modal yang  
kecil tetapi untung yang lumayan*



## Kek , Roti dan Kuih - muih



Berminat membuat kek dan dekorasi. Boleh fokus menjual kek kerana banyak permintaan untuk kek seperti kek harijadi,kek kahwin,kek untuk makan bersama keluarga.

Kuih muih antara perniagaan makanan yang menguntungkan. Kuih muih sesuai untuk jual setiap hari di kawasan tempat tinggal,dikedai makan atau melalui delivery.

Jualan roti juga boleh dibuat di kawasan pejabat,sekolah,hospital atau mana-mana kawasan awam yang ramai pengunjung. Satu kelebihan menjual roti, ia tahan lebih lama berbanding kuih-muih



## Biskut Raya

Setiap kali tiba musim perayaan,tentunya kuih atau biskut raya mendapat permintaan tinggi. Namun kini,biskut raya boleh dijual sepanjang tahun. Ada saja orang yang nak makan biskut raya sebagai kudapan harian dirumah.

## Makanan Sejuk Beku (Frozen Food)

Makanan Frozen juga salah satu perniagaan makanan yang paling menguntungkan dan berisikon rendah. Ini kerana makanan yang tahan lama dan tidak rosak jika tak laku dalam sehari. Pelbagai jenis makanan frozen yang boleh dijual seperti karipap,ketupat palas, kasturi, donat, pulut panggang, pau dan lain-lain lagi.



## Burger

Perniagaan burger merupakan perniagaan makanan yang paling menguntungkan kerana kos yang rendah dan untung yang agak tinggi. Berniaga buger tidak perlu masa seharian dari pagi hingga ke malam. Ia boleh mula bermiaga pada waktu malam saja malah waktu pagi boleh membuat kerja lain.

## Air Balang

Sangat-sangat menguntungkan dengan menjual Air balang terutamanya di pasar malam, pasar tani dan lebih menguntungkan dijual pada bulan Ramadhan, musim panas. Pasti ada saja yang singgah jika dijual pada waktu tengahari dengan cuaca yang panas terik.

## Aiskrim

Aiskrim juga sentiasa mendapat tempat di hati kanak-kanak dan orang dewasa. Aiskrim buatan sendiri seperti Aiskrim Malaysia yang mempunyai pelbagai rasa mampu menarik perhatian pengemarnya. Aiskrim sangat sesuai dijual di kawasan perumahan ,pejabat,kedai malah boleh mendapat tempahan yang banyak untuk majlis-majlis keraian.



# TIP MULAKAN PERNIAGAAN

## PILIH MAKANAN YANG NAK DIJUAL

Membuat pilihan makanan. Tentukan minat dan kepakaran kita untuk memasak makanan yang sedap. Supaya pelanggan yang ada akan beli berkali-kali dengan kita

## BUAT KIRAAN KOS

Buat kiraan kos yang terlibat dalam penyediaan makanan termasuk kos bungkusan dan upah pembantu jika ada pekerja. Kos ini akan menentukan berapa harga jualan yang perlu kita letak supaya tidak rugi.



## PROMOSI

Dah ada produk, dah letak harga ,kini masanya untuk membuat promosi. Tetapkan dimana untuk buat promosi.

## AMBIL TEMPAHAN

Seeloknya untuk permulaan,mulakan perniagaan dengan mengambil tempahan terlebih dahulu. Ini memudahkan membuat anggaran permintaan dan mengelakkan kerugian jika makanan tidak laku.

*Dalam perniagaan makanan,  
rasa dan kebersihan adalah  
aspek penting yang sentiasa di-  
titik beratkan. Sedaikan  
makanan yang enak dengan  
harga yang berpatutan supaya  
ramai yang membeli.*





SEKIAN  
TERIMA KASIH